

10 MAR 2002

Mahathir-Kekayaan/I

KONGSI KEKAYAAN NEGARA UNTUK KEMAKMURAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat Malaysia supaya meneruskan berkongsi kekayaan negara secara sama rata bagi mengekalkan kemakmuran.

Perdana Menteri berkata masyarakat juga akan mendapat manfaat yang lebih hasil daripada kemakmuran orang lain kerana mereka dapat berbelanja lebih.

"Kita tidak boleh mengaut semuanya untuk diri kita, kita harus berkongsi. Ia lebih baik untuk mempunyai 10 peratus sesuatu daripada 100 peratus tiada," kata beliau pada majlis jamuan malam Tahun Baru Cina yang diadakan oleh tujuh gabungan Persatuan Cina Malaysia, di sini.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat Malaysia bahawa mereka akan kehilangan semua yang mereka miliki sehingga ini jika bertelagah antara satu sama lain.

"Selagi tiga kaum utama di Malaysia bekerjasama, menyambut perayaan secara bersama atau makan bersama, kita akan kekal sebagai negara yang aman dan dapat membangunkan negara supaya kita akhirnya menjadi negara maju menjelang tahun 2020," kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata beliau gembira kerana masyarakat Cina di negara ini memberi sokongan kuat kepada dasar-dasar kerajaan terutama berhubung pengagihan kekayaan.

"Saya gembira masyarakat Cina mempunyai semangat setiakawan bersama kaum-kaum lain. Kita telah bekerjasama, kita menyokong dasar-dasar kerajaan mengenai pengagihan kekayaan," kata beliau.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia tidak memerlukan pihak lain yang membuat tuntutan melampau kepada kerajaan yang tidak memberi manfaat kepada orang lain.

"Ya, memang ada sesetengah pihak yang membuat tuntutan melampau, bukan sahaja dari kalangan masyarakat Cina tetapi juga dari masyarakat Melayu dan India, ada orang yang membuat tuntutan melampau yang bermakna orang lain tidak akan mendapat apa-apa. Kita tidak memerlukan orang seperti ini," kata beliau.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata majoriti rakyat Malaysia bersikap sederhana dan toleransi dan dapat hidup bersama dalam keadaan aman kerana kita akan mendapat faedah tetapi jika kita cuba membolot semuanya untuk diri sendiri, kita tidak akan mendapat apa-apa."

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan mahu para pekilang Malaysia terutama pengeluar barangan elektrik supaya meninjau sektor lain kerana China tidak lama lagi dapat menghasilkan produk elektrik yang sama tetapi dengan kos lebih murah.

"Saya ingin mengingatkan bahawa China akan menghasilkan barangan pada harga yang lebih murah, jadi seperti dahulu kita harus menukar daripada industri gerah kepada industri pembuatan kerana getah menghadapi ancaman daripada getah sintetik," kata beliau.

Dr Mahathir berkata ada sektor lain seperti teknologi maklumat dan produk fabrikasi yang para pengeluar Malaysia boleh terokai kerana ia menjanjikan pulangan lebih baik.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata produk berkenaan harus dikeluarkan dengan kualiti tinggi bagi membolehkan negara bersaing dengan negara-negara lain.

-- BERNAMA

NM RV FAZ